

## **Kesalahan Bacaan dalam Bahasa Melayu oleh Murid Disleksia Berdasarkan Perspektif Teori Levinson**

**Vijayaletchumy Subramaniam<sup>1\*</sup>, Puteri Roslina Abd Wahid<sup>2</sup>, Normaliza Abd Rahim<sup>3</sup> dan Kavenia Kunasegran<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup>*Jabatan Bahasa, Akademi Bahasa Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

<sup>3</sup>*Sekolah Media dan Komunikasi, Universiti Taylors, 47500 Subang Jaya, Selangor, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kesalahan bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia. Sampel kajian terdiri daripada 100 kanak-kanak disleksia yang dipilih daripada 10 cawangan Persatuan Disleksia Malaysia. Kajian ini bersandarkan Teori Levinson (1994) yang bertunjangan tujuh jenis mekanisme kesalahan bacaan, iaitu pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan, pemeluwapan, penambahan atau agakan/suka-suka. Data kajian dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian dan pengujian. Pengkaji menggunakan teks bacaan bahasa Melayu mengikut kesesuaian tahap pembelajaran sebagai alat kajian dalam meneliti kesalahan bacaan murid disleksia. Hasil kajian membuktikan murid disleksia menunjukkan kesukaran dalam beberapa aspek bacaan, iaitu jenis

pengguguran, pembalikan, penggantian, penyisipan dan agak-agakan. Kelima-lima jenis kesalahan bacaan tersebut didapati menyokong Teori Levinson Disleksia (1994), manakala hasil kajian juga telah membuktikan beberapa kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia di luar jangkakan teori tersebut.

### ARTICLE INFO

#### *Article history:*

Received: 19 November 2021

Accepted: 14 April 2022

Published: 15 June 2022

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.30.2.17>

#### *E-mail addresses:*

[vletchumy@upm.edu.my](mailto:vletchumy@upm.edu.my) (Vijayaletchumy Subramaniam)

[puteri61@um.edu.my](mailto:puteri61@um.edu.my) (Puteri Roslina Abd Wahid)

[drnormaliza@gmail.com](mailto:drnormaliza@gmail.com) (Normaliza Abd Rahim)

[kavenia8@gmail.com](mailto:kavenia8@gmail.com) (Kavenia Kunasegran)

\*Corresponding author

*Kata kunci:* Aspek bacaan, bahasa Melayu, disleksia, Teori Levinson

## Reading Errors in the Malay Language by Dyslexic Students from the Perspective of Levinson Theory

### ABSTRACT

*This study was conducted to examine the reading errors in the Malay language among dyslexic students. The study sample consisted of 100 dyslexic children selected from 10 branches of the Malaysian Dyslexia Association. This study is based on Levinson's Theory (1994) which underlines seven types of reading error mechanisms: elimination, transfer, insertion, substitution, reversal, condensation, addition or guessing. The study data were collected through observation and testing methods. The researcher used reading texts according to the appropriate level of learning to examine the reading errors of dyslexic students. The study results proved that dyslexic students showed difficulty in several aspects of reading, namely elimination, reversal, substitution, insertion and guessing. These five types of reading errors were found to support Levinson's Theory (1994), while the study results have also proven some reading errors among dyslexic students beyond the expectations of the theory.*

Keywords: *Dyslexia, Malay language, Levinson Theory, reading aspects*

### PENGENALAN

Dalam aspek bacaan bahasa Melayu, pengetahuan huruf-bunyi telah terbukti menjadi petunjuk utama yang sangat baik dalam menilai kebolehan membaca dan mengeja murid. Pengetahuan huruf menyumbang kepada kemahiran penyahkodan dalam pembelajaran bahasa kanak-kanak dari aspek kesedaran fonemik. Pengetahuan huruf dan bunyi ialah prasyarat asas yang penting untuk kanak-kanak menguasai bacaan. Dalam persekitaran pendidikan, kanak-kanak berkeperluan khas digambarkan sebagai luar biasa berbanding dengan kanak-kanak normal. Antaranya ialah kanak-kanak disleksia yang mempunyai suatu masalah pembelajaran yang spesifik (Lyon et al., 2003). Kecelaruhan pembelajaran ini terdiri

daripada masalah disleksia, disgrafia, dan diskalkulia. Walau bagaimanapun, disleksia merupakan kecelaruhan pembelajaran yang paling lazim dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia berbanding masalah disgrafia ataupun diskalkulia. Kanak-kanak disleksia mempunyai pelbagai jenis cabaran dan halangan dalam proses pembelajaran mereka. Secara umumnya, masalah pembelajaran dikaitkan dengan pembangunan neurologi yang mempengaruhi keupayaan individu memproses, menyimpan, dan menghasilkan semula maklumat (Ugwu, 2015). Oleh sebab itu, kecelaruhan pembelajaran memberi impak kepada proses kognitif kanak-kanak disleksia.

Persatuan Disleksia Antarabangsa (*The International Dyslexia Association, IDA*) menganggarkan bahawa hampir 15–20%

penduduk dunia mengalami sekurang-kurangnya satu atau lebih simptom disleksia. Masalah pembelajaran spesifik telah wujud sejak lama. Walau bagaimanapun, kesedaran dan pengiktirafan yang diberikan kepada masalah pembelajaran disleksia sebagai masalah yang mempunyai pengaruh yang besar dalam sistem pendidikan baru-baru ini disebarluaskan (Adubasim & Nganji, 2017). Terdapat banyak perbezaan dalam proses pembelajaran yang dialami oleh kanak-kanak disleksia sepanjang proses pembelajaran mereka. Snowling (2000a) mendefinisikan disleksia sebagai masalah pembelajaran dalam pemerolehan dan pemprosesan bahasa yang dimanifestasikan oleh kekurangan kecekapan dalam proses membaca, mengeja dan menulis (Snowling, 2000b). Ini bermaksud kanak-kanak disleksia mempunyai masalah melakukan tugas atau kerja tertentu sekiranya melibatkan tiga aspek tersebut, iaitu membaca, mengeja dan menulis. Secara ringkas, kanak-kanak disleksia perlu disesuaikan dengan keadah pembelajaran yang mungkin berbeza untuk setiap individu. Hal ini demikian kerana kanak-kanak disleksia mempunyai tahap pembelajaran yang berbeza.

Ikediashi (2012) berpendapat masalah pembelajaran disleksia sebagai sesuatu gangguan yang dikaitkan dengan proses membaca, menulis dan mengeja. Definisi ini mengkategorikan disleksia bukan hanya sebagai satu masalah yang mempengaruhi keupayaan membaca, mendengar, dan menulis tetapi sebagai satu masalah pembelajaran yang spesifik, dari segi domain operasi dan koherensi dalam kecelaruan

membaca. Definisi disleksia yang diutarakan oleh IDA telah mendapat penerimaan dan pengiktirafan yang lebih luas sebagai badan penyelidikan profesional terkemuka dalam bidang disleksia. Menurut IDA, disleksia merupakan masalah pembelajaran spesifik yang dikaitkan dengan sifat neurologi. IDA membuktikan bahawa terdapat perbezaan struktur otak yang signifikan dalam kalangan kanak-kanak disleksia berbanding kanak-kanak normal. Disleksia mungkin disebabkan oleh perkembangan otak yang lambat atau kekurangan dalam domain fonologikal bahasa. Dalam pada itu, kemampuan kognitif individu disleksia juga mempunyai perkaitan dengan kekurangan tersebut.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kanak-kanak disleksia mempunyai masalah membaca dalam proses pembelajaran mereka (International Dyslexia Association, 2020). Secara umumnya, kemahiran membaca sangat penting dan menjadi tunjang utama dalam proses pembelajaran. Kanak-kanak yang didiagnosis dengan disleksia mempunyai kesukaran dalam bahasa, khususnya bacaan. Hal ini kerana mereka menghadapi cabaran dalam diskriminasi huruf secara visual dan auditori. Kecelaruan huruf ini disebabkan oleh penggunaan otak sebelah kanan secara dominan (Davis, 1994). Mereka mempunyai masalah dalam mengenal pasti dan mendiskriminasi huruf.

Masalah yang paling signifikan dalam aspek bacaan murid disleksia ialah keupayaan mengenal pasti huruf dan menyesuaikan huruf dengan bunyi

(Sariah Amirin, 2020). Maka, situasi ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk memfokuskan kajian dalam aspek bacaan murid disleksia. Penguasaan bahasa seseorang bergantung kepada pemahaman mereka dalam aspek fonemik, fonetik dan fonologikal bahasa. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, murid disleksia tidak dapat menyesuaikan bentuk huruf dengan bunyi huruf dengan betul. Bukan itu sahaja, halangan ini menyebabkan mereka mempunyai penguasaan perbendaharaan kata yang kurang memuaskan. Justeru, tahap berbahasa kanak-kanak disleksia tidak sejajar dengan tahap bahasa kanak-kanak normal.

Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa terdapat beberapa penentu yang dominan dalam masalah bacaan murid disleksia seperti kajian yang dijalankan oleh Lee dan Wheldall (2011), Vijayaletchumy dan Nadia (2020). Lee dan Wheldall (2011) berpendapat bacaan, ejaan dan penyahkodan dapat menilai kesukaran literasi disleksia. Kajian tersebut menunjukkan murid disleksia tidak mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang cukup dalam aspek segmentasi huruf dan bunyi. Selain itu, Kavenia dan Vijayaletchumy (2018) mempunyai kajian yang hampir sama dengan kajian Lee dan Wheldall (2011) iaitu murid disleksia menunjukkan masalah membaca secara berterusan jika tidak dibendung di peringkat awal. Malah, Kavenia dan Vijayaletchumy (2018) memberikan saranan supaya pelbagai aktiviti pembelajaran yang menarik harus diperkenalkan supaya murid dapat membaca dan mencapai literasi awal.

Permasalahan ini dapat dikukuhkan lagi melalui kajian rintis yang telah dijalankan di Pusat Disleksia Ampang (Sariah Amirin, 2020). Kajian rintis ini melibatkan 15 orang murid disleksia yang telah didiagnosis secara klinikal. Antara jumlah 15 orang murid disleksia tersebut, 12 orang murid mempunyai masalah dalam mengenal pasti huruf dengan betul. Pengkaji telah menguji penguasaan diskriminasi huruf mereka dengan menggunakan senarai semak yang mengandungi lapan huruf yang disesuaikan dengan gambar. Dapatan kajian rintis memaparkan bahawa 80% murid mempunyai masalah dalam aspek diskriminasi huruf yang merupakan kemahiran signifikan dalam penguasaan bacaan. Masalah ini memberikan lompang kepada pengkaji untuk memfokuskan masalah bacaan yang dihadapi oleh murid disleksia mengikut Teori Levinson dalam aspek bacaan bahasa Melayu. Kajian oleh Abdul Aziz Busri dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021) didapati hampir sama dengan kajian ini iaitu murid disleksia didapati menghadapi masalah dalam aspek bacaan bahasa Melayu. Hal ini didapati penting dalam pembelajaran murid yang memerlukan bacaan asas supaya pembelajaran dapat berjalan dengan lancar. Malah, kajian oleh Abdul Aziz Busri dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021) mendapati bahawa pembelajaran tidak berlaku dengan baik kerana murid keliru apabila diarahkan untuk membaca. Hasil kajian ini mendapati bahawa penguasaan simbol, kaunseling orientasi dan latihan membaca perlu dilakukan supaya murid dapat menikmati bahan bacaan tersebut.

Bertitik tolak daripada kajian-kajian tentang disleksia yang dibincangkan, dapat dijelaskan bahawa masalah pembelajaran murid disleksia masih lagi perlu diteliti supaya murid belajar membaca dengan baik. Malah, kajian-kajian tersebut mempunyai jurang tentang masalah membaca dalam kalangan murid disleksia. Tambahan pula, di Malaysia, kira-kira 500,000 kanak-kanak menghadapi disleksia pada 2020 dan mungkin, angkanya meningkat. Melalui data yang diperoleh, terdapat jurang dalam kajian-kajian di atas. Malah, lebih banyak lagi kajian perlu dilakukan supaya masalah ini dapat diselesaikan. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan mekanisme kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia. Daripada lompong kajian lepas, pengkaji akan menganalisis kesalahan bacaan murid disleksia mengikut tahap pembelajaran mereka, iaitu permulaan, pertengahan dan lanjutan mengikut Teori Levinson.

## METODOLOGI

Pengkaji telah mengadaptasikan reka bentuk penyelidikan kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data kajian ini. Kajian berbentuk kualitatif lebih sesuai digunakan untuk kajian pemerhatian subjek kajian dan untuk meneliti secara terperinci subjek kajian yang dikaji (Creswell, 2014). Kajian ini bersandarkan Teori Levinson (1994) yang menjelaskan kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia. Menurut Levinson (1994), terdapat tujuh jenis mekanisme


kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia, iaitu pengguguran, pemindahan, penyisipan, penggantian, pembalikan, pemeluwapan, penambahan atau agakan/suka-suka. Dalam kajian ini, sampel kajian terdiri daripada 100 orang murid disleksia yang telah disahkan mempunyai disleksia setelah menjalani ujian diagnostik oleh pakar di Pusat Disleksia Malaysia. Pengkaji telah memilih 100 orang murid disleksia tersebut secara rawak daripada tempat kajian. Daripada jumlah tersebut, pengkaji seterusnya mengenal pasti hanya 10 orang murid disleksia yang menunjukkan kesalahan bacaan secara dominan mengikut Teori Levinson Disleksia. Semua sampel kajian yang dipilih mewakili ketiga-tiga tahap pembelajaran di tempat kajian, iaitu *beginner*, *intermediate* dan *advanced*. Pengkaji telah menjalankan kajian ini di 10 sekolah disleksia Persatuan Disleksia Malaysia. Justifikasi pemilihan 10 tempat kajian ini adalah kerana pengkaji ingin mengkaji sama ada masalah bacaan mengikut Teori Levinson ini umumnya dipaparkan oleh semua murid disleksia. Dalam tempoh kajian lapangan tersebut, pengkaji menjalankan pemerhatian dalam kelas untuk mengenal pasti kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia. Kesalahan bacaan diukur berdasarkan teks bacaan yang digunakan oleh guru di sekolah disleksia. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti kesalahan bacaan mengikut Teori Levinson (1994) dalam kalangan murid disleksia.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Kesalahan Bacaan Mengikut Teori Levinson (1993)

Menurut Levinson, terdapat tujuh jenis mekanisme kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia seperti yang digambarkan dalam Rajah 1, iaitu pengguguran, pemindahan, penyisipan,

penggantian, pembalikan, pemeluwapan, penambahan atau agakan/suka-suka. Pengkaji akan menganalisis kesalahan bacaan murid disleksia mengikut tahap pembelajaran mereka, iaitu permulaan, pertengahan dan lanjutan mengikut Teori Levinson.



Rajah 1. Kerangka konsep Teori Levinson dalam bahasa Melayu

**Tahap Pembelajaran: Permulaan/ Beginner (i).** Subjek kajian dalam tahap pembelajaran permulaan ini lebih banyak

melakukan kesalahan bacaan jenis pengguguran dan pembalikan seperti yang diutarakan dalam Teori Levinson (1994).

Jadual 1

Jenis kesalahan bacaan (Pengguguran)

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Pengguguran	S1	kera	kea
	S2/4	ini	ni
	S3/5	saya	say
	S4	tebu	tbu
	S5	madu	mad

- S1: Ini kera. (*asal*)  
Ini kea. (*kesalahan*)
- S2/4: Ini kera (*asal*)  
Ni kea. (*kesalahan*)
- S3/5: Ini kera saya. (*asal*)  
Ini kera say. (*kesalahan*)
- S4: Saya beri kera tebu. (*asal*)  
Saya beri kera tbu. (*kesalahan*)
- S5: Saya beri kera tebu madu. (*asal*)  
Saya beri kera tebu mad. (*kesalahan*)

Teori Levinson (1993) membahagikan kesalahan bacaan jenis pengguguran kepada dua aspek, iaitu pengguguran huruf dan pengguguran perkataan dalam ayat. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini subjek hanya melakukan kesalahan bacaan dari aspek pengguguran huruf. Hasil dapatan mendapati kebanyakan kesalahan pengguguran bertitik tolak daripada masalah mengenali dan menggabungkan huruf dengan bunyi tersebut.

Berdasarkan ayat yang diberikan, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis pengguguran yang dilakukan oleh subjek kajian. Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1, S1 telah membaca <keras> sebagai <keas>. S1 telah menggugurkan huruf /r/ apabila membaca perkataan keras. S2 dan S4 telah melakukan kesalahan yang sama apabila membaca perkataan <ini> sebagai <ni>. S2 dan S4 tidak menyebut bunyi /i/ di permulaan. Berdasarkan ayat ketiga

dalam teks bacaan yang diberikan, S3 dan S5 menggugurkan huruf /a/ dalam perkataan <saya>. S4 telah membaca <tebu> sebagai <tbu>. S1 telah menggugurkan huruf /e/ apabila membaca perkataan tebu dalam ayat tersebut. Manakala S5 tidak menyebut bunyi /u/ di akhir perkataan <madu>. Berdasarkan ayat keenam dalam teks bacaan yang diberikan, S5 menggugurkan huruf /u/.

Dalam pemerhatian pengkaji, subjek kajian menghadapi kesusahan dalam menggabungkan bunyi dengan huruf yang disebut. Cabaran tersebut menjadi faktor utama murid disleksia menggugurkan huruf dalam perkataan yang dibaca. Penggabungan huruf bersama bunyi tersebut merupakan kemahiran asas dalam membaca. Kesalahan bacaan jenis pengguguran merupakan kesalahan yang signifikan dalam kalangan murid tahap permulaan.

Jadual 2

*Jenis kesalahan bacaan (Pembalikan)*

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Pembalikan	S1	ini	iui
	S2	bela	bale
	S3	bela	dela
	S4	beri	deri
	S5	tebu	bute
	S6	madu	mabu
	S7	madu	mapu
	S9	madu	wadu

S1:	Ini kira. ( <i>asal</i> ) Iui kira. ( <i>kesalahan</i> )	S6:	Saya beri kira tebu madu. ( <i>asal</i> ) Saya beri kira tebu mabu. ( <i>kesalahan</i> )
S2:	Saya bela kira. ( <i>asal</i> ) Saya bale kira. ( <i>kesalahan</i> )	S7:	Saya beri kira tebu madu. ( <i>asal</i> ) Saya beri kira tebu mapu. ( <i>kesalahan</i> )
S3:	Saya bela kira. ( <i>asal</i> ) Saya dela kira. ( <i>kesalahan</i> )	S7:	Saya beri kira tebu madu. ( <i>asal</i> ) Saya beri kira tebu wadu. ( <i>kesalahan</i> )
S4:	Saya beri kira tebu. ( <i>asal</i> ) Saya deri kira tebu. ( <i>kesalahan</i> )		
S5:	Saya beri kira tebu. ( <i>asal</i> ) Saya beri kira bute. ( <i>kesalahan</i> )		

Sepadannya dengan kesalahan bacaan jenis pengguguran, Teori Levinson (1993) membahagikan kesalahan bacaan jenis pembalikan kepada dua aspek, iaitu pembalikan huruf dan pembalikan suku kata dalam ayat. Dalam konteks kajian ini, hasil dapatan menunjukkan murid disleksia melakukan kesalahan pengguguran dalam kedua-dua aspek tersebut, iaitu pembalikan huruf dan pembalikan suku kata dalam ayat.

Berdasarkan Jadual 2, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis pembalikan yang dilakukan oleh subjek kajian. S1 telah membaca <ini> sebagai <iui>. S1 telah membalikkan huruf /n/ menjadi /u/ apabila membaca perkataan tersebut. Manakala dalam kesalahan bacaan jenis pembalikan suku kata pula, S2 membaca perkataan <bela> sebagai <bale>. S2 telah membalikkan susunan suku kata dalam perkataan <bela>. S3 telah membaca <bela> sebagai <dela>, dengan melakukan kesalahan pembalikan huruf /b/ kepada /d/. Kesalahan yang sama dilakukan oleh S4 iaitu, kesalahan bacaan pembalikan huruf /b/ kepada /d/ untuk perkataan <beri>. Berdasarkan ayat kelima dalam teks bacaan yang diberikan, S5 telah membalikkan suku kata <tebu> menjadi <bute> apabila

membaca perkataan tersebut. S6 dan S7 telah membuat kesalahan pembalikan huruf /d/ kepada huruf /b/ dan /p/ untuk perkataan <madu>. S8 pula melakukan kesalahan pembalikan huruf /m/ kepada /w/ untuk perkataan yang sama seperti S6 dan S7.

Berdasarkan kajian-kajian lepas dalam masalah bacaan, pembalikan huruf merupakan masalah yang signifikan dalam kalangan murid disleksia. Kajian yang dijalankan oleh Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2011) telah mengkaji kesalahan bacaan dan tulisan, terutamanya dari sudut kesalahan ejaan dalam penulisan. Hasil dapatan mendapati bahawa murid disleksia mempunyai kesukaran mengenal pasti fonem dan pertukaran huruf dalam proses ejaan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar sering membuat kesalahan huruf seperti 'b d', 'u-n', 'm-w', 'g-q', 'p-q', dan 'b-p'. Kajian-kajian lepas juga telah membuktikan kesukaran bacaan dari segi pembalikan huruf, penamaan huruf abjad yang tidak tepat dan tidak membunyikan ejaan dengan tepat. Rajah 2 merupakan teks yang digunakan untuk menguji bacaan murid disleksia pada peringkat permulaan.



TEKS PETIKAN
<p><u>Kera</u></p> <p>Kera. Ini kera. Ini kera saya. Saya bela kera. Saya beri kera tebu. Saya beri kera tebu madu.</p>

Rajah 2. Teks petikan tahap pembelajaran permulaan

**Tahap Pembelajaran: Pertengahan/ Intermediate (ii).** Subjek kajian dalam tahap pembelajaran pertengahan lebih banyak melakukan kesalahan bacaan jenis penggantian dan pengguguran.

Berdasarkan Jadual 3, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis penggantian yang dilakukan oleh subjek kajian. Subjek menggantikan huruf dengan vokal atau konsonan yang berbeza. S1 telah

Jadual 3

Jenis kesalahan bacaan (Penggantian)

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Penggantian	S1	sekolah	sakolah
	S2	rendah	randah
	S3	baru	bara
	S4/S8/S9	dicat	dikat
	S5	warna	warni
	S6	tepi	tipi
	S7	cantik	kantik
	S8	bersih	birsih
	S9	selesa	salesa
	S10	belajar	bilijar

S1:	Ini sekolah. ( <i>asal</i> ) Ini sakolah. ( <i>kesalahan</i> )	S7:	Sekolah baru ini bersih dan cantik. ( <i>asal</i> )
S2:	Ini sekolah rendah. ( <i>asal</i> ) Ini sekolah randah. ( <i>kesalahan</i> )	S8:	Sekolah baru ini bersih dan cantik. ( <i>asal</i> ) Sekolah baru ini birsih dan cantik. ( <i>kesalahan</i> )
S3:	Ini sekolah rendah baru. ( <i>asal</i> ) Ini sekolah rendah bara. ( <i>kesalahan</i> )	S9:	Pelajar sekolah selesa belajar. ( <i>asal</i> ) Pelajar sekolah salesa belajar. ( <i>kesalahan</i> )
S4:	Sekolah baru dicat warna oren. ( <i>asal</i> ) Sekolah baru dikat warna oren. ( <i>kesalahan</i> )	S10:	Pelajar sekolah selesa belajar. ( <i>asal</i> ) Pelajar sekolah selesa bilijar. ( <i>kesalahan</i> )
S5:	Sekolah baru dicat warna oren. ( <i>asal</i> ) Sekolah baru dicat warni oren. ( <i>kesalahan</i> )		
S6:	Sekolah baru ini di tepi pawagam. ( <i>asal</i> ) Sekolah baru ini di tipu pawagam. ( <i>kesalahan</i> )		

menggantikan vokal /e/ kepada /a/ dalam perkataan <sekolah>. Penggantian huruf vokal juga dilakukan oleh S2 dan S3 untuk perkataan <rendah> dan <baru>. S2 telah membaca <rendah> sebagai <randah> manakala S3 membaca perkataan <baru> sebagai <bara>. Selain itu, S4 telah menggantikan konsonan /c/ kepada /k/ dalam perkataan <dicat>. Tambahan pula, dua subjek lain telah menunjukkan kesalahan bacaan yang sama apabila menggantikan konsonan semasa membaca, iaitu S8 dan S9. S5 telah membaca <warna> sebagai <warni> manakala S6 membaca <tepi> sebagai <tipi>. Kedua-dua subjek ini menggantikan vokal /a/ dan /e/ kepada vokal /i/ apabila membaca perkataan tersebut. S7 telah menggantikan konsonan /c/ kepada /k/ dalam perkataan <cantik>. Ketiga-tiga subjek yang terakhir, iaitu S8, S9 dan S10 melakukan kesalahan bacaan jenis penggantian vokal. S8 telah membaca <bersih> sebagai <birsih> dan S9 telah membaca <selesa> sebagai <salesa>. S10 pula telah menggantikan vokal /e/ dan /a/ menjadi /i/ dalam perkataan <belajar> yang dibaca sebagai <bilijar>.

Masalah penggantian dalam aspek bacaan ini berlaku kerana pengkaji mendapat murid disleksia tidak dapat mendiskriminasi huruf dan bunyi secara fonologikal. Dalam aspek fonologikal bahasa, kajian yang dijalankan oleh Ezleena Mustafa Kamal (2020) mengenal pasti kesalahan fonologikal, khususnya fonem dan suku kata dalam bahasa Inggeris. Hasil kajian ini mendedahkan bahawa murid disleksia melakukan kesalahan dalam aspek fonem, suku kata dan perkataan daripada pemprosesan fonologi seperti ketinggalan fonem, pemisahan suku kata, gabungan suku kata, dan bacaan bukan perkataan. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian ini tidak menjurus kepada masalah penggantian dalam aspek bacaan murid disleksia. Kesalahan subjek kajian dalam meninggalkan, memisahkan dan menggabungkan fonem dan suku kata dibuktikan sebagai masalah fonologikal dalam bahasa dan masalah penggantian juga merupakan satu kesalahan yang menjejaskan kemahiran membaca murid. Dalam fungsi persepsi dan kognitif mereka, terutamanya berkaitan pembacaan dan pemprosesan ortografik, kemahiran ini mempengaruhi proses pembelajaran bahasa murid disleksia.

Jadual 4

*Jenis kesalahan bacaan (Pengguguran)*

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Pengguguran	S1	sekolah	selah
	S2/S4	ini	ni
	S3	rendah	redah
	S4	oren	ren
	S5	di tepi	tepi
	S6	cantik	canti
	S7	selesa	sesa

S1:	Sekolah. ( <i>asal</i> ) Selah. ( <i>kesalahan</i> )		Sekolah baru ini di tepi pawagam. ( <i>kesalahan</i> )
S2:	Ini sekolah. ( <i>asal</i> ) Ni sekolah. ( <i>kesalahan</i> )	S6:	Sekolah baru ini bersih dan cantik. ( <i>asal</i> )
S3:	Ini sekolah rendah. ( <i>asal</i> ) Ini sekolah redah. ( <i>kesalahan</i> )		Sekolah baru ini bersih dan canti. ( <i>kesalahan</i> )
S4:	Sekolah baru dicat warna oren. ( <i>asal</i> ) Sekolah baru dicat warna ren. ( <i>kesalahan</i> )	S7:	Pelajar sekolah selesa belajar. ( <i>asal</i> ) Pelajar sekolah sesa belajar. ( <i>kesalahan</i> )
S5:	Sekolah baru ini di tepi pawagam. ( <i>asal</i> )		

Sepadan dengan subjek kajian dalam tahap pembelajaran permulaan, kesalahan bacaan jenis pengguguran ini juga diperhatikan dalam tahap pembelajaran pertengahan. Berdasarkan Teori Levinson (1993), kesalahan bacaan jenis pengguguran dibahagikan kepada dua aspek kesalahan bacaan, iaitu pengguguran huruf dan pengguguran perkataan dalam ayat. Seperti yang dirincikan untuk subjek kajian tahap pembelajaran permulaan, mereka melakukan kesalahan bacaan dari aspek pengguguran huruf sahaja. Walau bagaimanapun, hasil dapatan mendapati subjek kajian dalam tahap pembelajaran pertengahan melakukan kesalahan dari segi kedua-dua jenis pengguguran ini, iaitu pengguguran huruf dan pengguguran perkataan dalam ayat.

Berdasarkan Jadual 4, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis pengguguran yang dilakukan oleh subjek kajian. S1 telah membaca <sekolah> sebagai <selah>. S1 telah menggugurkan suku kata /ko/ apabila membaca perkataan tersebut. S2 dan S4 telah melakukan kesalahan yang sama apabila membaca perkataan <ini> sebagai

<ni>. S2 dan S4 tidak menyebut bunyi /i/ pada permulaan perkataan. Berdasarkan ayat ketiga dalam teks bacaan yang diberikan, S3 menggugurkan huruf /n/ dalam perkataan <rendah>. S4 telah membaca <oren> sebagai <ren>. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, seorang murid disleksia sahaja yang telah membaca perkataan <di tepi> sebagai <tepi>. S5 telah menggugurkan perkataan <di> apabila membaca ayat tersebut secara sepenuhnya. S6 pula telah menggugurkan huruf /k/ apabila membaca perkataan <cantik> dalam ayat tersebut. Dalam bacaan suku kata, S7 tidak menyebut suku kata /le/ dalam perkataan <selesa>. Berdasarkan ayat kelapan dalam teks bacaan yang diberikan, S7 telah menggugurkan suku kata /le/.

Pengkaji mendapati hasil kajian luar jangka Teori Levinson (1993) yang mengutarakan bahawa hanya terdapat dua jenis kesalahan bacaan pengguguran iaitu pengguguran huruf dan pengguguran perkataan dalam ayat. Teori Levinson tidak merincikan pengguguran suku kata dalam perkataan yang dibaca. Walau bagaimanapun, kajian ini membuktikan murid disleksia,

iaitu S1 dan S7 menggugurkan suku kata dalam bacaan mereka. Situasi ini dapat diklasifikasikan sebagai keberangskalian dan tidak boleh mewakili populasi murid disleksia tetapi pengkaji mendapati bahawa kesalahan ini juga dilakukan oleh murid disleksia dalam bacaan.

Dalam meneliti pengetahuan suku kata murid disleksia, kajian yang dijalankan oleh Lee dan Wheldall (2011) mengkaji pengetahuan suku kata dan penggabungan fonem dalam pemerolehan kosa kata. Dapatan menunjukkan kedua-dua suku kata dan fonem tidak sepenuhnya dikuasai oleh murid disleksia. Walau bagaimanapun, kedua-dua penguasaan ini penting dalam pemerolehan kosa kata atau pembelajaran bahasa. Penyelidik juga membuktikan bahawa kesalahan bacaan banyak dilakukan oleh kanak-kanak disleksia kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan kebolehan yang cukup dalam aspek segmentasi huruf dan bunyi. Dalam konteks kajian ini, dapatan kajian Lee dan Wheldall (2011) menyokong permasalahan yang didapati dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, subjek kajian ini diperhatikan mempunyai masalah khusus dalam bacaan, seperti pengguguran huruf, suku kata dan perkataan. Dalam kemahiran mengeja, murid perlu menguasai bunyi dan huruf. Pengetahuan tentang hubungan antara bunyi dengan huruf memerlukan pembelajaran fonologi dalam bahasa (Jamieson & Simpson, 2006). Rajah 3 merupakan teks yang digunakan untuk menguji bacaan murid disleksia pada peringkat pertengahan.

TEKS PETIKAN
<p><u>Sekolah saya</u></p> <p>Sekolah. Ini sekolah. Ini sekolah rendah. Ini sekolah rendah baru. Sekolah baru dicat warna oren. Sekolah baru ini di tepi pawagam. Sekolah baru ini bersih dan cantik. Pelajar sekolah selesa belajar.</p>

Rajah 3. Teks petikan tahap pembelajaran pertengahan

**Tahap Pembelajaran: Lanjutan/Advanced (iii).** Hasil dapatan kajian ini mendapati bahawa subjek kajian dalam tahap pembelajaran lanjutan lebih melakukan kesalahan bacaan jenis penyisipan dan agak-agakan sahaja. Subjek kajian dalam tahap ini tidak lagi melakukan kesalahan pembalikan dan pengguguran dalam bacaan.

Berdasarkan Jadual 5, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis penyisipan yang dilakukan oleh subjek kajian. Kesalahan ini jelas diperhatikan apabila subjek kajian menyisipkan huruf vokal atau konsonan yang tidak ada dalam perkataan tersebut. S1 telah menyisipkan vokal /a/ perkataan <pulang> menjadi perkataan <pula-lang>. Penyisipan huruf vokal juga dilakukan oleh S2 dan S3 untuk perkataan <kampung> dan <melawat>. S2 telah membaca <kampung> sebagai <kama-pung> manakala S3 membaca perkataan <melawat> sebagai <mela-lawat>. Selain itu, S4 telah menyisipkan vokal /a/ selepas vokal /i/ menjadi vokal berganding dalam perkataan <tidak>. Manakala, S5 telah menyisipkan konsonan /g/ dalam perkataan <bunga>. S5

Jadual 5

*Jenis kesalahan bacaan (Penyisipan)*

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Penyisipan	S1	pulang	pula-lang
	S2	kampung	kama-pung
	S3/S4	melawat	mela-lawat
	S4	tidak	tia-dak
	S5	bunga	bung-ga

- S1: Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kampung ibu dan ayahnya. (*asal*)  
 Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pula-lang ke kampung ibu dan ayahnya. (*kesalahan*)
- S2: Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kampung ibu dan ayahnya. (*asal*)  
 Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kama-pung ibu dan ayahnya. (*kesalahan*)
- S3: Mereka ingin melawat datuk dan nenek di kampung. (*asal*)  
 Mereka ingin mela-lawat datuk dan nenek di kampung. (*kesalahan*)
- S4: Fatimah memakai baju lengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk. (*asal*)  
 Fatimah memakai baju lengan panjang supaya tia-dak digigit oleh nyamuk. (*kesalahan*)
- S5: Ada bunga ros, bunga matahari, bunga kemboja, bunga kenanga, bunga orkid dan lain-lain. (*asal*)  
 Ada bung-ga ros, bung-ga matahari, bung-ga kemboja, bung-ga kenanga, bung-ga orkid dan lain-lain. (*kesalahan*)

telah membaca <bunga> sebagai <bung-ga> dengan mengulang bunyi /g/ apabila membaca perkataan tersebut.

Dalam aspek bacaan, murid disleksia menghadapi cabaran kerana keupayaan menyimpan dan memproses bunyi pertuturan dikaitkan dengan pembacaan abjad dan pembelajaran fonem, Sekiranya murid disleksia tidak menguasai sistem huruf dan fonem, pemerolehan dan penyesuaian bunyi pertuturan menjadi susah untuk dikuasai dalam bacaan (Brady & Shankweiler, 1991). Pernyataan ini dibuktikan dengan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian ini. Murid disleksia yang belum menguasai sistem huruf dan bunyi pertuturan huruf tersebut kurang mahir dalam kemahiran mengeja dan membaca.

Berdasarkan Jadual 6, terdapat beberapa kesalahan bacaan jenis agak-agakan yang dilakukan oleh subjek kajian. S1 telah membaca perkataan <dan> sebagai <di>. S2 membaca perkataan <setelah> sebagai <kete> manakala S3 membaca perkataan <yang> menjadi <sayang>. Sama seperti S3, S4 juga telah suka-suka membaca perkataan <memakai> sebagai <memakan>. S5 telah membaca <lengan> sebagai <dengan> dengan menyebut perkataan yang dikenali.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, murid disleksia melakukan kesalahan bacaan jenis agak-agakan kerana mereka tidak menumpukan fokus kepada petikan apabila membaca. Mereka tidak menunjukkan keyakinan dalam bacaan. Kajian-kajian lepas telah membuktikan murid disleksia

Jadual 6

*Jenis kesalahan bacaan (Agak-agakan)*

Jenis Kesalahan Bacaan	Subjek	Perkataan	Kesalahan
Agak-agakan	S1	dan	di
	S2	setelah	kete
	S3	yang	sayang
	S4	memakai	memakan
	S5	lengan	dengan

- S1: Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kampung ibu dan ayahnya. (*asal*)  
 Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kampung ibu di ayahnya. (*kesalahan*)
- S2: Setelah tiba, nenek membawa Fatimah ke kebun bunganya yang terletak di tepi rumah. (*asal*)  
 Kete tiba, nenek membawa Fatimah ke kebun bunganya yang terletak di tepi rumah. (*kesalahan*)
- S3: Setelah tiba, nenek membawa Fatimah ke kebun bunganya yang terletak di tepi rumah. (*asal*)  
 Setelah tiba, nenek membawa Fatimah ke kebun bunganya sayang terletak di tepi rumah. (*kesalahan*)
- S4: Fatimah memakai baju lengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk. (*asal*)  
 Fatimah memakan baju lengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk. (*kesalahan*)
- S5: Fatimah memakai baju lengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk. (*asal*)  
 Fatimah memakai baju dengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk. (*kesalahan*)

mempunyai masalah dari segi daya tumpuan dan memori jangka masa panjang mereka. Mereka sukar mengingati susunan huruf, nombor, urutan dan sebagainya. Dalam konteks bacaan, kajian yang dijalankan oleh Walda et al. (2022) mengkaji peranan daya perhatian (*attention span*) dalam bacaan kanak-kanak disleksia. Kajian mendapati daya tumpuan mereka

menjejaskan kemahiran bacaan. Dapatan ini disokong dengan pemerhatian pengkaji dalam kelas yang mendapati murid tidak dapat membaca ayat secara sepenuhnya tanpa berhenti ataupun kehilangan fokus. Rajah 4 merupakan teks yang digunakan untuk menguji bacaan murid disleksia pada peringkat lanjutan.

TEKS PETIKAN
<p><u>Kampung Halaman</u></p> <p>Pada cuti sekolah yang lepas, Fatimah pulang ke kampung ibu dan ayahnya.                      Mereka ingin melawat datuk dan nenek di kampung.                      Setelah tiba, nenek membawa Fatimah ke kebun bunganya yang terletak di tepi rumah.                      Fatimah memakai baju lengan panjang supaya tidak digigit oleh nyamuk.                      Ada bunga ros, bunga matahari, bunga kempoja, bunga kenanga, bunga orkid dan lain-lain.</p>

Rajah 4. Teks petikan tahap pembelajaran lanjutan

## Perbincangan

Daripada kajian yang dijalankan ini, pengkaji juga mendapati beberapa dapatan kajian di luar jangkauan Teori Levinson (1993). Hasil kajian ini mendapati murid disleksia tidak melakukan kesalahan “pemeluwapan” (*condensation*) yang diperincikan dalam Teori Levinson (1993). Hal ini demikian kerana jenis kesalahan ini tidak berlaku dalam bacaan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kesalahan dan masalah bacaan luar jangka Teori Levinson (1993). Antaranya ialah murid disleksia sering mengeja secara fonik apabila membaca. Mereka membunyikan setiap huruf tersebut secara berasingan sebelum menggabungkan bunyi tersebut dalam sesuatu suku kata. Situasi ini kerap kali ditunjukkan oleh subjek kajian dan pengkaji mendapati kesukaran ini melambatkan lagi proses bacaan mereka.

Bukan itu sahaja, murid disleksia sering melangkau perkataan apabila membaca sesuatu petikan. Sekiranya petikan ini mempunyai terlalu banyak perkataan dalam sesuatu ayat, mereka akan melangkau beberapa perkataan. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Kavenia dan Vijayaletchumy (2018) dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2011) yang telah mengkaji kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia di Malaysia. Kajian tersebut mendapati murid disleksia menunjukkan kesalahan bacaan seperti langkau apabila membaca, tidak mengikut urutan perkataan dalam ayat, mengulang-ulang perkataan dan sebagainya.

Pengaruh bacaan fonik bahasa Inggeris juga menjejaskan kemahiran membaca murid disleksia dalam bahasa Melayu. Mereka sering keliru dengan sebutan fonik bahasa Inggeris yang sememangnya berbeza dengan sebutan bahasa Melayu. Misalnya, subjek kajian yang dirincikan dalam tahap pembelajaran pertengahan membaca perkataan <dicat> sebagai <dikat>. Kesalahan bacaan ini berlaku disebabkan oleh pengaruh fonik bahasa Inggeris. Setakat ini, tiada kajian di Malaysia yang mengkaji pengaruh sebutan fonik bahasa asing dalam bacaan bahasa Melayu dalam kalangan murid disleksia.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, subjek kajian daripada tiga tahap pembelajaran menunjukkan kesalahan bacaan jenis pengguguran, pembalikan, penggantian, penyisipan dan agak-agakan. Kelima-lima jenis kesalahan bacaan tersebut menyokong Teori Levinson Disleksia manakala dapatan kajian juga telah membuktikan beberapa kesalahan bacaan dalam kalangan murid disleksia luar jangka teori tersebut dalam kalangan murid disleksia. Antaranya ialah jenis kesalahan pemewulupan tidak wujud dalam bacaan bahasa Melayu, murid disleksia sering melangkau perkataan apabila membaca ayat dan pengaruh sebutan fonik bahasa Inggeris yang berbeza dengan sebutan bahasa Melayu. Seterusnya, dapatan kajian memberikan kesedaran kepada guru-guru disleksia agar intervensi yang efektif perlu digunakan dalam memastikan murid-murid disleksia menguasai aspek bacaan yang asas.

Justeru, penyelidikan yang lebih rinci dalam bidang ini diperlukan untuk membangunkan landasan yang lebih mengukuhkan domain bahasa dan bacaan murid-murid disleksia.

## PENGHARGAAN

Kajian ini disokong dengan Geran Fundamental Research Grant Scheme, Kementerian Pendidikan Tinggi (Kod Rujukan KPT: FRGS/1/2020/SS0/UPM/01/1). Pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua cawangan Pusat Disleksia Malaysia, Puan Sariah Amirin (Presiden) dan guru-guru disleksia atas kesudian dalam meluangkan masa serta memberikan pandangan dan input untuk menyempurnakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Busri, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Strategi pengajaran guru Bahasa Melayu dalam menangani masalah bacaan dalam kalangan murid disleksia di sekolah rendah pedalaman Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 618-627.
- Adubasim, I., & Nganji, J. (2017). Dyslexia-A learning difference. *Autism Open Access*, 7(1). Article 1000203.
- Brady, S. A., & Shankweiler, D. P. (1991). *Phonological processes in literacy*. Lawrence Erlbaum.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Publication.
- Davis, R. D. (1994). *The gift of dyslexia*. Souvenir Press.
- Ezleena Mustafa Kamal. (2020). Phonological errors in English among dyslexic learners in selected primary schools in Penang: Phoneme, syllable and word levels. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 28(S2), 157-175.
- Ikediashi, A. E. (2012). *Dyslexia: Causes, management and implications*. Pearson Publication.
- International Dyslexia Association. (2020). *Dyslexia basics*. Pearson Publication.
- Jamieson, C., & Simpson, S. (2006). *Spelling: Challenges and strategies for the dyslexic learner and the teacher. Dyslexia, speech and language: A practitioner's handbook* (2nd ed.). Whurr Publishers.
- Kavenia, K., & Vijayaletchumy, S. (2018). Simptom-simptom disleksia visual dalam kalangan murid disleksia. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal*, 7(2), 1-7.
- Lee, L. W., & Wheldall, K. (2011). Acquisition of Malay word recognition skills: Lessons from low-progress early readers. *Dyslexia*, 17(1), 19-37. <https://doi.org/10.1002/dys.421>
- Levinson, S. C. (1994). *Smart but feeling dumb*. Oxford University Press.
- Lyon G. R., Shaywitz S. E., & Shaywitz B. A. (2003). Defining dyslexia, comorbidity, teachers' knowledge of language and reading: A definition of dyslexia. *Annals of Dyslexia*, 53, 1-14. <https://doi.org/10.1007/s11881-003-0001-9>
- Sariah Amirin. (2020). *Panduan asas disleksia dan intervensi simptom*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Snowling, M. J. (2000a). *Dyslexia*. Blackwell.
- Snowling, M. J. (2000b). *Dyslexia* (2nd ed.). Wiley-Blackwell.
- Ugwu, C. J. (2015). *Special education. Study of differences in dyslexia*. TND Press Ltd.



- Vijayaletchumy, S., & Nadia, S. (2020). Multisensory therapy in letter reversal of dyslexic pupils. *Universal Journal of Educational Research*, 8(12), 7118-7130. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081279>
- Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2011). Dyslexia in the aspect of Malay language spelling. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(16), 76-86.
- Walda, S., van Weerdenburg, M., van der Ven, A., & Bosman, A. (2022). Literacy progress in children with dyslexia and the role of attention. *Reading & Writing Quarterly*, 38(1), 19-32. <https://doi.org/10.1080/10573569.2021.1897910>

